



## Disiplin tinggi bantu kemenangan Sri Pahang

Oleh [Asrol Awang](#) - Ogos 2, 2022 @ 11:46am

[sukanteam@nsp.com.my](mailto:sukanteam@nsp.com.my)



Pemain Sri Pahang FC, Andres Steven Rodriguez meraikan jaringannya ketika menentang Kedah Darul Aman FC pada Saingan Liga Super 2022 di Stadium Darul Makmur. - Foto NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

KUANTAN: Disiplin tinggi yang dipersembahkan ketika menewaskan Kedah Darul Aman (KDA) FC malam tadi menjadi faktor kemenangan Sri Pahang FC.

Pengendali skuad Tok Gajah, Datuk Dollah Salleh berkata, tanpa disiplin itu, skuadnya tidak dapat beraksi dengan baik dan pada satu ketika hampir dinafikan lawan.

"Bagaimanapun, semua pemain dapat bermain dengan baik terutama pada babak kedua sekali gus membantu mengutip tiga mata di halaman sendiri.

"Prestasi menurun terutama sepanjang 20 minit bermula pada babak kedua. Tetapi, gol kedua yang dijaringkan melonjakkan kembali semangat dan kebangkitan yang dilakukan pemain.

"Saya bangga dengan semua pemain kerana mereka kekal menunjukkan disiplin tinggi iaitu bertahan walaupun masih melakukan kesalahan," katanya.

Pada perlawanan itu, dua gol dijaringkan oleh penyerang import, Steven Rodriguez pada minit ke-31 dan 67.

Mengulas prestasi Rodriguez, bekas pemain kebangsaan itu berpuas hati dengan sumbangan penyerang itu.

Katanya, empat gol daripada tiga perlawanan menyaksikan Rodriguez berada pada prestasi terbaik ketika ini.

"Kita dapat lihat peningkatan mendadak Rodriguez kerana kita bagi kebebasan kepada dia pada setiap perlawanan.

"Hasilnya dia berjaya menjaringkan gol, sekali gus Sri Pahang mencatat dua kemenangan berturut-turut," katanya.

Selepas mengharungi 13 perlawanan, skuad Tok Gajah berada di kedudukan kesembilan liga dengan 14 mata.